

17/03/2002

Jawatankuasa pemandu tentukan mesyuarat MCA

PETALING JAYA: Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menyerahkan kepada jawatankuasa pemandu pemilihan parti untuk memutuskan sama ada menangguh atau meneruskan perhimpunan agung (AGM) MCA yang dijadualkan pada 26 Jun ini.

"Ia terpulang kepada jawatankuasa pemandu, jika mereka mempunyai alasan untuk menangguhkan AGM, saya akan menghormati keputusan mereka tetapi janganlah sesuka hati menangguhkannya," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan rombongan dari Penerbangan Xiamen di sebuah hotel terkemuka di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan yang disiarkan beberapa akhbar hari ini daripada satu kumpulan dalam MCA yang digelar Team B, meminta pucuk pimpinan MCA menangguhkan mesyuarat agung yang akan menyaksikan pemilihan bagi jawatan peringkat nasional, disebabkan perubahan jumlah anggota perwakilan yang akan menghadiri perhimpunan itu.

Anggota MCA diberikan 21 hari dari 10 Februari untuk memeriksa senarai keanggotaan pada peringkat cawangan, bahagian, negeri dan kebangsaan serta mengemukakan aduan mereka.

Jawatankuasa pemandu menerima aduan mengenai status 9,121 anggota apabila penyerahan aduan berakhir 4 Mac lalu.

Pengerusi jawatankuasa pemandu dan setiausaha agung MCA Datuk Seri Dr Ting Chew Peh pada Selasa lalu berkata, 868 nama dibuang daripada senarai keanggotaan, yang mewakili hanya 0.1 peratus daripada lebih sejuta ahli MCA.

Dr Ting juga dipetik sebagai berkata oleh sebuah akhbar berbahasa Inggeris bahawa senarai baru keanggotaan MCA adalah 99.9 peratus bersih.

Dr Lingber kata, tiada alasan bagi parti menangguhkan AGM jika ia sudah memastikan senarai keanggotaan MCA 90 peratus bersih.

"Kita perlu mengambil kira kehendak majoriti... jika ia 80 peratus bersih ini bermakna ia mewakili majoriti," katanya.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal minggu ini perebutan kepemimpinan MCA boleh menyebabkan perpecahan Cina di negara ini, beliau berkata perselisihan itu akan diselesaikan secara baik.

(END)